

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 1

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1441-MQT1158
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan akan menyemak semula terhadap program MM2H berikutan rungutan komuniti MM2H dan industri ekonomi berkaitan terhadap syarat-syarat baru yang amat ketat dan kenapa Kerajaan melaksanakan "Satu Negara, Dua sistem" di mana negeri Sarawak mempunyai dasar MM2H yang liberal berbanding dengan Kerajaan Persekutuan .

2. PR-1441-MQT1151
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah sasaran yang diambil oleh Kementerian untuk mencapai tahap penyediaan katil hospital yang lebih tinggi, justeru memberi kemudahan kesihatan yang lebih selesa untuk rakyat.

3. PR-1441-MQT1153
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapakah kadar pengangguran rakyat Malaysia mengikut negeri sehingga bulan Ogos tahun ini.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 14 SEPTEMBER 2021, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 2

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1441-L12264
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kewajaran pembukaan semula 11 sektor ekonomi di negeri-negeri Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) di kala kes harian baharu masih mencatatkan angka yang membimbangkan.

2. PR-1441-L12312
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan dan penjelasan berkenaan pendapatan isi rumah kasar bulanan yang menurun sehingga 10.3 peratus.

3. PR-1441-L12150
Tuan Shahrizukirnain bin Abd. Kadir [Setiu] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan reaksi Wisma Putra susulan tindakan negara-negara besar menghantar kapal perang ke Laut China Selatan.

4. PR-1441-L12436
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan tindakan yang akan diambil untuk memastikan masalah kekurangan tenaga kerja di sektor perladangan dan pertanian dapat diatasi dengan segera.

5. PR-1441-L11497
Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pendekatan dan pemahaman Matlamat Pembangunan Lestari diketengahkan di kalangan pemimpin peringkat akar umbi, pembuat dasar dan keputusan dalam mencapai tahap ketersediaan indikator SDG negara bagi setiap rangka kerja yang dilakukan terutama menjelang baki 10 tahun pelaksanaan Agenda 2030.
6. PR-1441-L12453
Datuk Ignatius Darell Leiking [Penampang] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah inisiatif yang diambil untuk merangka pelan pemulihan bagi sektor penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) memandangkan beberapa negara jiran telah melaksanakan langkah-langkah pemulihan sedemikian.
7. PR-1441-L11688
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menambah peruntukan JAKIM agar Bahagian Pengurusan Halal dapat diperkasakan bagi membanteras penipuan tanda halal kerana ia merupakan isu yang amat sensitif bagi masyarakat Islam di negara ini.
8. PR-1441-L12542
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan status terkini bagi tahun 2021 mengenai cadangan pembangunan Kampong Bharu yang dirancang sama ada dapat diteruskan atau sebaliknya. Apakah pelan jangka masa pendek dan panjang pihak Kementerian mengenai cadangan pembangunan ini setelah permohonan peruntukan telah dibuat oleh pihak Kementerian mengenai perkara ini.
9. PR-1441-L11551
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah program banci penduduk dan perumahan di Malaysia 2020 yang terjejas akibat COVID-19 akan dilaksana semula dan adakah maklumat *census* secara atas talian mencukupi bagi Kerajaan merangka dasar dan polisi bagi tempoh 10 tahun akan datang.

10. PR-1441-L11561
Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [Jerlun] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rasional lebih banyak kilang dibenarkan untuk beroperasi pada ketika jumlah kes COVID-19 di dalam negara semakin meningkat. Jelaskan tentang faktor kluster kilang-kilang yang menyumbang kepada peningkatan kes COVID-19 di dalam negara.
11. PR-1441-L12206
Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan harga komoditi buah tandan segar (BTS) semasa dan strategi berterusan bagi memastikan harga tersebut kekal stabil.
12. PR-1441-L12646
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek Trans - Borneo Highway di sebelah negara kita walaupun perpindahan ibu negara Indonesia telah ditunda. Jika ada, apa status terkini perancangan Kerajaan.
13. PR-1441-L12342
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjong Manis] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah perancangan pihak Kerajaan untuk membina struktur penghadang ombak untuk menghalang hakisan tanah pantai di kawasan-kawasan yang terlibat seperti di Kampung Paloh, Kampung Kedang, Kampung Sebako dan Kampung Belawai dan bilakah projek-projek ini akan dimulakan.
14. PR-1441-L12510
Tuan Wong Chen [Subang] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan :-
- (a) tindak balas dan kedudukan Kerajaan terhadap laporan Panel Perubahan Iklim antara Kerajaan (IPCC) yang diterbitkan baru-baru ini; dan
 - (b) adakah Malaysia perlu mengemas kini dan memperkukuhkan komitmennya terhadap Perjanjian Paris.
15. PR-1441-L12012
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tindakan serta perancangan yang telah dirangka oleh Kerajaan dalam melaksanakan RUU Anti Lompat Parti bagi mengelakkan berlakunya ketidakstabilan politik dalam Negara.

16. PR-1441-L11771
Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah kesiapsiagaan Malaysia berhadapan dengan siri pencerobohan ruang udara dan perairan Malaysia oleh negara asing seperti China dan Israel.
17. PR-1441-L12631
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan bagi meningkatkan eksport barang Malaysia dan pelaburan di Malaysia dalam keadaan ekonomi dunia yang tidak menentu.
18. PR-1441-L11535
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bila Banci 2020 akan selesai dan adakah anggaran populasi yang tidak tepat akibat Banci 2020 yang tertunda telah mempengaruhi pengiraan dan perancangan untuk Pelan Imunisasi COVID Kebangsaan (PICK).
19. PR-1441-L12022
Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meneruskan agenda dasar Kerajaan terdahulu berkenaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 serta apakah hala tuju baharu bagi tempoh jangka masa panjang yang ingin diperkenalkan.
20. PR-1441-L12366
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan senarai program yang telah dilancarkan dalam Kempen Sawit Anugerah Tuhan dan perbelanjaan terlibat. Nyatakan impaknya terhadap Kempen Anti Sawit di Malaysia dan di luar negara.
21. PR-1441-L12058
Tuan Sabri bin Azit [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah telah dikaji tentang pertambahan guru-guru KAFA dari segi kuota di setiap daerah agar peningkatan masuk ke kelas KAFA dapat ditampung jumlahnya.

22. PR-1441-L12377
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menggunakan kaedah undi pos untuk rakyat Sarawak dan Sabah yang tinggal di Semenanjung untuk mengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) dan Pilihan Raya Umum (PRU) akan datang. Apakah SOP baru yang akan diperkenalkan untuk proses pengundian lebih selamat semasa pandemik.
23. PR-1441-L11970
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina sebuah Kompleks Persekutuan untuk menempatkan agensi-agensi dan jabatan Persekutuan di Serian.
24. PR-1441-L12493
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan langkah proaktif Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja di ladang sawit dan ladang getah yang kini telah lama berlarutan serta membawa impak kerugian besar kepada industri perladangan negara kita.
25. PR-1441-L11566
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini pendaftaran pengundi secara automatik dan penguatkuasaan usia kelayakan mengundi 18 tahun. Apakah kekangan yang dihadapi oleh Kerajaan bagi mempercepatkan pelaksanaan kedua-dua perkara tersebut.
26. PR-1441-L12114
Tuan Lim Lip Eng [Kepong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah gaji yang diterima oleh Ahli Parlimen Tambun sebagai Penasihat Perdana Menteri bertaraf Menteri sepanjang beliau berkhidmat dalam tempoh yang singkat. Jumlah gratuiti dan pencen bulanan yang beliau layak menerima dari Kerajaan. Apakah tugas beliau sebenarnya.
27. PR-1441-L12599
Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rancangan dalam 6 bulan (September 2021 – Januari 2022) untuk menguatkuasakan sistem demokrasi berparlimen dengan meneruskan Komitee Khas Parlimen (KKP) yang sedia ada dan menambah lagi 13 KKP supaya dapat menguatkan dasar-dasar dan undang-undang yang relevan, adil dan dapat melindungi hak-hak rakyat Malaysia.

28. PR-1441-L11543
Dr. Ong Kian Ming [Bangi] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah syarikat yang telah mendaftar untuk program *Safe@Work* dan sebab-sebab mengapa lebih banyak syarikat tidak mendaftar untuk program ini.
29. PR-1441-L12087
Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan berhubung perancangan Kerajaan untuk memisahkan fungsi Peguam Negara dan Pendakwa Raya seperti yang diumumkan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) sebelum ini.
30. PR-1441-L11603
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI KANAN PERTAHANAN** menyatakan apakah usaha terbaru untuk meningkatkan keupayaan tentera laut dan tentera udara sejajar dengan Kertas Putih Pertahanan untuk menjaga keselamatan dan kedaulatan ruang udara dan ruang laut negara.
31. PR-1441-L12084
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang membaiki kerosakan Jalan Dabong-Jelawang dan berapa perbelanjaan untuk tujuan tersebut.
32. PR-1441-L12643
Tuan Baru Bian [Selangau] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan berapa kelewatan dan kos tambahan Projek Lebuh Raya Pan Borneo disebabkan oleh pandemik COVID-19. Adakah kontraktor boleh menuntut kerugian dan perbelanjaan lain dan bila dijangka tarikh siap projek tersebut.
33. PR-1441-L12426
Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan apakah langkah sistematik yang diambil Kementerian bagi menguruskan bahan buangan klinikal yang telah meningkat sebanyak 111.94% berbanding tahun 2019.
34. PR-1441-L11660
Puan Hannah Yeoh Tseow Suan [Segambut] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan MACC terhadap mantan Menteri Wanita berkaitan kes penyelesaian hutang beliau terutamanya sumber wang tersebut dan perbandingan deklarasi aset yang dibuat olehnya sebelum ini.

35. PR-1441-L11978
Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah konkrit secara terperinci yang diambil oleh Kerajaan untuk menangani kejatuhan pelaburan langsung asing (FDI) yang turun 56 peratus pada tahun 2020, terutamanya bagi Sabah di mana ekonominya semakin merosot.
36. PR-1441-L11456
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan mengenai ciapan twitter rasmi KKM pada 6 Ogos 2021 yang mengatakan bahawa penyumbang terbesar kluster di Selangor adalah daripada sektor perkilangan. Adakah fakta yang dikeluarkan itu benar.
37. PR-1441-L11941
Tuan Pang Hok Liong [Labis] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan amat jelas bahawa pengisytiharan darurat pada Januari 2021 telah gagal mengatasi pandemik COVID-19 mengakibatkan Perdana Menteri Ke-8 terpaksa meletakkan jawatannya, apakah jaminan bahawa Kerajaan tidak akan mengisytihar darurat sekali lagi pada masa yang akan datang.
38. PR-1441-L11969
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik perceraian masyarakat luar bandar semasa pandemik. Apakah terdapat kajian menyeluruh berhubung dengan perkara tersebut dan sejauh mana tindakan Kerajaan yang telah dan akan dilaksanakan bagi menangani masalah tersebut.
39. PR-1441-L12494
Tengku Zulpuri bin Raja Puji [Raub] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadangkan untuk membuat OSC (*one stop center*) setiap kawasan /daerah bagi memudahkan serta masalah SOP dapat di permudahkan dan di selaraskan.
40. PR-1441-L11726
Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan komitmen Kementerian terhadap isu berkenaan golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) di negara ini.

41. PR-1441-L11484
Tuan Ahmad bin Hassan [Papar] minta **MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pencapaian semasa pelaksanaan vaksinasi bagi pekebun-pekebun kecil yang bekerja di ladang kelapa sawit milikan swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan serta usaha yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan tiada seorang daripada mereka yang tercicir daripada divaksini.
42. PR-1441-L11876
Tuan Chang Lih Kang [Tanjung Malim] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian Malaysia mengenai nasihat undang-undang Mahkamah Keadilan Antarabangsa 2019 dan keputusan Penghakiman Tribunal Antarabangsa Untuk Undang-Undang Laut (ITLOS) 2021 terhadap pertikaian kedaulatan Kepulauan Chagos dan samada Malaysia menyokong kemerdekaan Kepulauan Chagos.
43. PR-1441-L11703
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan kejadian di tempat kerja sering berlaku serta melibatkan kemalangan jiwa pekerja-pekerja tempatan dan asing seperti dilaporkan oleh media. Kementerian memberi jaminan dan langkah yang telah ambil bagi menjamin kerja-kerja di tapak pembinaan selamat dan kondusif.
44. PR-1441-L11815
Tuan R. Sivarasa [Sungai Buloh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status draf RUU Ombudsman yang telah dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara tahun lepas untuk tujuan semakan dan kelulusan sebelum dibentangkan di Parlimen kelak.
45. PR-1441-L11781
Datuk Mohd. Azis bin Jamman [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah projek pembangunan di Sabah yang tidak dapat disiapkan di bawah RMK-11, yang akan disambung dan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK-12) mengikut pecahan kategori projek dan Parlimen.
46. PR-1441-L11767
Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail [Pandan] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan secara terperinci perolehan rundingan terus bagi Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya untuk tempoh suku pertama dan suku kedua tahun 2021.

47. PR-1441-L12398
Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada akan mengiktiraf Kerajaan Taliban yang baru mengambil kuasa melalui senjata, atau terus mengiktiraf Kerajaan lama yang dipilih melalui peti undi. Apakah pendirian Malaysia.
48. PR-1441-L11957
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perkara berkaitan dengan pembinaan jajaran jalan raya empat lorong Gemas - Tampin. Perkara ini amat penting memandangkan wujudnya Kem Tentera Gemas yang strategik dan keselamatan anggota tentera yang berulang-alik dari rumah ke kem perlu diberi perhatian.
49. PR-1441-L12543
Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan strategik bagi memperkasakan mahkamah syariah menerusi pindaan Akta 355 (mahkamah syariah) bagi tahun 2021.
50. PR-1441-L11713
Datuk Wira Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah persediaan yang diambil Kementerian bagi memastikan cerun-cerun, pembentungan serta sistem aliran disepanjang jalan raya serta bangunan-bangunan yang diuruskan oleh Kementerian sentiasa selamat dan berupaya mengekang kejadian tanah runtuh dan terputusnya hubungan logistik.
51. PR-1441-L12263
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KANAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan pencapaian jumlah pelaburan asing yang diterima untuk tahun terkini berbanding tahun-tahun yang lalu dan usaha-usaha yang telah diambil untuk membaiki kedudukan Malaysia di peringkat antarabangsa.
52. PR-1441-L11892
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibul] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terkini pembinaan Lebuhraya Pan Borneo, mengapa keadaan jalan antara Sibul ke Bintulu begitu teruk dan mengancam keselamatan pengguna jalan itu, apakah sebab utama masalah tersebut selalu diulangi.

53. PR-1441-L12290
Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [Lumut] minta **MENTERI KANAN KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuh Raya Pantai Barat (WCE) akan siap sepenuhnya dan apakah perancangan pembangunan sekitar lebuh raya tersebut yang boleh menjana ekonomi penduduk tempatan.
54. PR-1441-L12035
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perkembangan terbaru mengenai undang-undang untuk tidak menjadikan cubaan bunuh diri sebagai kesalahan jenayah di bawah Akta Kanun Keseksaan, bilakah ia akan dibentang dan dibahas di Parlimen dan dari tahun 2018 hingga hari ini berapa kes cubaan bunuh diri yang telah didakwa.
55. PR-1441-L12506
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan telah menimbangankan cadangan Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkhidmatan Awam (CUEPACS) supaya gaji penjawat awam bermula dengan RM2208 memandangkan kos sara hidup semakin meningkat dan nilai ringgit kian merosot.
56. PR-1441-L12495
Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara teliti langkah proaktif Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan ekonomi negara yang mencatat kemerosotan - 5.6% pada tahun 2020 sehingga menimbulkan masalah sosial serius termasuk 4 orang rakyat Malaysia bunuh diri hampir setiap hari.
57. PR-1441-L12515
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang menggubal undang-undang bagi memberi kuasa kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) untuk melakukan pendakwaan di mahkamah tanpa perlu lagi merujuk kepada Peguam Negara atau Pendakwa Raya.
58. PR-1441-L11752
Puan Hajah Natrah binti Ismail [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang ada untuk pasangan asing rakyat Malaysia yang telah bercerai bagi mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak mereka yang berstatus warganegara.

59. PR-1441-L11493

Dato' Sri Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim [Batang Lupar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah justifikasi kepada kelonggaran yang diberikan Kerajaan kepada penerima lengkap vaksin COVID-19 yang mencetuskan kegusaran lebih-lebih lagi dengan kewujudan varian Delta, Delta Plus dan Lambda yang dapat menjangkiti individu dalam masa 15 saat jika terdedah dengan virus ini.

60. PR-1441-L12085

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan isu tuntutan royalti minyak oleh Kerajaan negeri Kelantan terhadap PETRONAS.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Memilih Timbalan Yang di-Pertua.**

2. **Menteri Dalam Negeri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Rakyat yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini, dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu."

3. **Dato' Hajah Azizah Binti Mohd Dun [Beaufort]** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatutnya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya : -

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Titah Ucapan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Keempat, Parlimen Yang Keempat Belas."

4. (D.R 24/2020) Rang Undang-Undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pindaan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Menteri Kewangan]

5. (D.R 13/2020) Rang Undang-Undang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Pindaan) 2020

[Menteri Sumber Manusia]

6. (D.R 14/2020) Rang Undang-Undang Kilang dan Jentera (Pemansuhan) 2020 **Bacaan Kali Yang Kedua**
[Menteri Sumber Manusia]
7. (D.R 15/2020) Rang Undang-Undang Lembaga Angkasa Malaysia 2020 "
[Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi]
8. (D.R 12/2020) Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis 2020 "
[Menteri Dalam Negeri]
9. PR-1441-U(27)201
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-
 "mencadangkan Kerajaan supaya meminda Perkara 150(3) Perlembagaan Persekutuan bagi memperjelaskan tatacara pembatalan Proklamasi Darurat dan Ordinan-Ordinan Darurat."
[Perdana Menteri]
10. PR-1441-U(27)202
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] akan mencadangkan :-
 "mencadangkan Kerajaan Persekutuan supaya melakukan pindaan Perlembagaan terhadap Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan untuk memberi kuasa Kerajaan-Kerajaan negeri dalam bidang kesihatan awam dan juga aktiviti kegiatan ekonomi."
[Perdana Menteri]

11. PR-1441-U(27)203

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Merasai penderitaan rakyat akibat kehilangan insan tersayang akibat COVID-19, kehilangan sumber pendapatan, serta kesukaran meneruskan pembelajaran dan pengajaran dalam sistem persekolahan yang sedia ada;

Menyedari pelbagai masalah dan kecelaruan dalam pembuatan serta pelaksanaan *Standard Operating Procedure (SOP)* yang melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Kerajaan Tempatan dan Kerajaan di peringkat Kampung;

Menyedari hakikat bahawa struktur Majlis Keselamatan Negara yang ada terbukti tidak dapat merangkumi secukupnya suara pembangkang Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan negeri untuk membentuk muafakat rentas-parti dan rentas Kerajaan yang berkesan untuk menangani pemulihan ekonomi dan kesihatan;

Mengambil maklum dasar dan SOP yang diperlukan untuk menangani wabak COVID-19 mungkin tidak popular pada permulaan dan hanya boleh berjaya jika tanggungjawab politik ditanggung bersama oleh semua parti politik dan Kerajaan negeri sebagai Tim Malaysia untuk meyakinkan masyarakat;

Mengambil maklum pemusatan kuasa dalam bidang kesihatan dan kesihatan awam di bawah Jadual ke-Sembilan Perlembagaan Persekutuan yang telah menghindari Kerajaan-Kerajaan negeri daripada memberikan sumbangan yang lebih besar dalam melawan wabak COVID-19; dan

Menerima hakikat peri pentingnya pandangan dan sokongan Ketua-Ketua Menteri dan Menteri-Menteri Besar, pemimpin-pemimpin kanan parti Pembangkang dan pakar-pakar dalam masyarakat, sektor profesional dan sektor swasta untuk membantu Menteri-Menteri Persekutuan dan pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis dalam pembuatan keputusan dasar serta SOP yang inklusif;

Maka Dewan Yang Mulia ini hendaklah bersetuju untuk mencadangkan Kerajaan supaya menubuhkan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI UNTUK PEMULIHAN EKONOMI DAN KESIHATAN RAKYAT dengan terma-terma seperti berikut:-

1. Majlis ini dipengerusikan oleh Perdana Menteri dengan Ketua Pembangkang Parlimen sebagai timbalan pengerusi;

2. Dianggotai oleh tiga kumpulan: Pertama, sejumlah menteri termasuk Menteri Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Menteri Dalam Negeri, Menteri Pelancongan, Menteri Pendidikan dan Menteri Hal Ehwal Sabah dan Sarawak; Kedua, ahli-ahli parlimen pembangkang yang menggambarkan kepelbagaian parti dan dalam jumlah yang sama; dan ketiga, semua Ketua Menteri dan Menteri Besar daripada 13 buah negeri;

3. Menerima input profesional dan kepakaran daripada sektor ekonomi, kesihatan awam dan pendidikan bersama-sama pucuk pimpinan perkhidmatan awam, tentera dan polis; dan

4. Bermesyuarat setiap minggu sebelum mesyuarat Kabinet untuk menerima laporan dan mengambil tindakan atas perkara-perkara seperti pengangguran dan penutupan perniagaan, jangkitan, kemasukan hospital (*hospitalization*) dan kematian akibat COVID-19, prestasi vaksinasi rakyat ; Pelaksanaan SOP, keadaan persekolahan dan prestasi sektor utama ekonomi;

DAN bersetuju untuk menuntut Perdana Menteri melaporkan status penubuhan MAJLIS PERSEKUTUAN - NEGERI dalam tempoh 60 hari daripada usul ini dipersetujui oleh Dewan Yang Mulia ini. "

[Perdana Menteri]

12. PR-1441-U(27)204

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuaran] akan mencadangkan :-

"Usul Menambah 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas sebagai tambahan kepada 9 Jawatankuasa Pilihan Khas yang sedia ada.

Menerima hakikat bahawa terdapat 20 lagi portfolio dalam Kementerian-Kementerian yang belum lagi dimasukkan dalam 9 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang sudah ditubuhkan.

Menyedari tuntutan rakyat agar Ahli-ahli Parlimen memainkan peranan untuk memastikan agar duit cukai mereka digunakan sebaik-baik mungkin untuk kesejahteraan rakyat.

Menyedari juga kewajipan-kewajipan Ahli-ahli Parlimen sebagai tonggak pelaksanaan institusi parlimen sebagai semak dan imbang terhadap Kerajaan dan

Menerima hakikat bahawa masih ada 88 Ahli Dewan Rakyat serta sebilangan Ahli-ahli Dewan Negara yang belum dilantik dalam mana-mana Jawatankuasa Parlimen.

Maka saya dengan ini (bagi pihak 55 Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah menghantar memorandum kepada Tuan Yang di-Pertua mohon supaya ditubuhkan 13 Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen) meminta supaya Dewan Yang Mulia ini membuat ketetapan menubuhkan 13 lagi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen seperti berikut: Sekiranya jumlah MP bagi setiap PSSC tidak ditambahkan, kami menyeru Kerajaan untuk mempertimbangkan 13 PSSC baharu bagi portfolio-portfolio berikut:

No	Portfolio Menteri	PSSC Sepadan Diperlukan
1	JPM - Hal Ehwal Sabah dan Sarawak	Federalisme dan Desentralisasi*
2	JPM - Hal Ehwal Agama	Hal Ehwal Agama*
3	Hal Ehwal Luar Negeri	Hal Ehwal Luar Negeri
4	Alam Sekitar dan Air	Alam Sekitar dan Air
5	Tenaga dan Sumber Asli	Tenaga dan Sumber Asli
6	Pengangkutan	Pengangkutan**
7	Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Perumahan dan Kerajaan Tempatan**
8	Wilayah Persekutuan	Wilayah Persekutuan
9	Sumber Manusia	Sumber Manusia
10	Komunikasi dan Multimedia	Komunikasi dan Multimedia
11	Belia dan Sukan	Belia dan Sukan
12	Pelancongan, Seni dan Budaya	Pelancongan, Seni dan Budaya
13	Perpaduan Negara	Perpaduan Negara
14	Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Pembangunan Usahawan dan Koperasi

[Perdana Menteri]

13. PR-1441-U(27)205

Datuk Seri Panglima Madius Tangau [Tuan] akan mencadangkan :-

"Usul Pindaan Perlembagaan Pasal 1(2).

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tun Mahathir Mohamad dalam Kerajaan yang lalu sudah pun mengumumkan bahawa Sabah dan Sarawak adalah *equal partner* persekutuan Malaysia. Dan

Menerima hakikat bahawa mantan Perdana Menteri Tan Sri Mahiaddin Yassin juga telah mengumumkan status Sabah dan Sarawak sebagai Wilayah. Dan

Menyedari pelbagai kekeliruan di kalangan anggota perkhidmatan awam dan juga rakyat jelata telah timbul akibat daripada siri pengumuman tersebut.

Menerima hakikat bahawa rakyat Sabah dan Sarawak sudah sekian lama membuat tuntutan agar kedudukan Sabah dan Sarawak sebagai *equal partner* ditunai dan dilaksanakan melalui perundangan. Dan

Menerima hakikat tentang sebutan asal Perlembagaan Persekutuan sebenarnya sudah mengambil kira kedudukan Sabah tersebut sebelum pindaan Pasal 1(2) dilakukan pada tahun 1976.

Maka dengan itu Dewan yang Mulia ini hendaklah membuat ketetapan agar Kerajaan membentangkan pindaan terhadap Pasal 1(2) dengan memasukkan kehendak dan cadangan daripada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak dalam sesi persidangan parlimen kali ini."

[Perdana Menteri]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN RAKYAT)**

<u>TAHUN 2021</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
DR. 6	Penyata Jawatankuasa Dewan, Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat	14 September 2021
ST. 33	AKTA AHLI PARLIMEN (SARAAN) 1980 [AKTA 237] Pindaan Kertas Statut 235 Tahun 1983 (Elaun dan Keistimewaan bagi Ahli Parlimen)	14 September 2021

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 14.09.2021 (Selasa)	1. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	1. Isu Program Vaksinasi Di Kedah	1. YB Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi
2. 14.09.2021 (Selasa)	2. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	2. Rancangan-Rancangan Tebatan Banjir Terkini Di Kota Kinabalu	2. YB Menteri Alam Sekitar Dan Air

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**